

23/04/1997

Koridor jadi kawasan ujian

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) bakal menjadi kawasan ujian (testbed) bagi menentukan kebaikan dan keburukan teknologi maklumat (IT), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita ada MSC sebagai satu kawasan ujian untuk menentukan apa yang boleh dibuat atau tidak. Jika buruk, kita sekat di kawasan MSC saja dan yang baik kita perluas ke seluruh negara," kata beliau.

Masyarakat perlu mencegah diri daripada unsur-unsur maklumat tidak sihat di dunia sekarang.

"Sekarang adalah dunia tanpa sempadan yang memerlukan kekuatan diri. Kita perlu menolak yang buruk untuk menyelamatkan diri kita. Kita perlu semai anak-anak dengan perkara mulia.

"Tapi kadang kala kita menumpukan perkara remeh. Bukanlah kita ghairah sangat dengan IT ini. Hakikatnya kita tidak dapat menangkisnya daripada masuk ke dalam negara," katanya.

Beliau juga berkata perkembangan pesat teknologi maklumat (IT) akan terus menular di rumah dan minda masyarakat di negara ini, sama ada masyarakat menerima atau menolak era IT.

"Saya akui kita tidak tahu 100 peratus mengenai baik dan buruk IT, tetapi apa yang saya tahu, kita tidak dapat menangkis dan menghalang teknologi ini masuk ke rumah dan minda," kata Dr Mahathir pada Dialog MSC menerusi sidang video yang diadakan serentak di 28 lokasi di seluruh negara.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, cara terbaik ialah menggunakannya dengan berfaedah dan berusaha sekat bahan tidak berguna.

"Kita akui kita masih tidak berapa bijak melaksanakan apa yang perlu. Namun kita perlu memulakannya bagi memastikan kita memiliki kebolehan guna IT yang boleh membawa keuntungan kepada kita. Sebab itu kita menyertai era IT ini," katanya.

Menurut Dr Mahathir, "Walaupun kita tidak berapa celik dan kabur mengenai IT, tapi kita perlu cuba menyertainya kerana orang lain juga dalam keadaan serupa, tidak berapa faham kesan daripada IT.

"Ada yang mula berniaga melalui Internet, tiba-tiba rugi berjuta dolar. Ada yang berkata bahawa kita harus memberi percuma supaya dengan cara itu orang akan membeli apa yang dikeluarkan.

"Adakalanya anggapan itu salah dan terpaksa mengalami kerugian. Kita sebenarnya dalam teraba-raba. Jadi lebih baik kita buat persediaan memahami apa baik dan buruk.

"Bagaimana kita boleh guna dengan berfaedah berbanding kalau kita terus memperbodoh diri kita mengenai IT. Kita tidak boleh lari daripada perkembangan pesat IT," katanya.

(END)